

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang baru merdeka setelah ditakluk oleh penjajah-penjajah yang dating silih berganti. Namun kewujudan dan kehadirannya dalam arena antarabangsa dalam lebih setengah abad ini telah meletakkan negara ini sebagai sebuah negara yang setanding dan setaraf dengan negara-negara maju dari benua Eropah, Timur Tengah, Afrika, China dan benua Amerika. Malah kini ia telah diiktiraf sebagai peneraju kepada negara-negara dunia ketiga terutamanya dalam isu-isu yang membabitkan hal-hal antarabangsa. Pencapaian ini adalah hasil laungan dan kelantangan bersuara dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara ini dalam menegakkan keadilan, kesaksamaan dan keamanan bagi semua ahli-ahli yang berada dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Komitmen ini bukan sahaja dengan janji dan kelantangan bersuara sahaja, malah baru sahaja dimerdekakan pada tahun 1957, negara ini telah melibatkan diri dalam menyediakan pasukan pengaman pertama di Congo pada tahun 1960. Sebagai sebuah negara yang baru dimerdekakan dan diperintah sendiri oleh anak watan peribumi, negara ini telah dapat membuktikan bahawa dasar luar negara yang dilaksanakan oleh negara ini amat berkesan dan sentiasa dihormati dan disanjungi oleh negara-negara lain termasuk negara yang telah lama bertamadun dan negara-negara yang pernah menjajah negara ini. Keberkesanan ini dapat dipamirkkan dan diperlihatkan dengan penugasan pasukan-pasukan pengaman yang bersilih ganti, selepas tugas pengaman di Congo (1960-1963), diikuti dengan tugas pengaman di Namibia (1989-1990), Kampuchea (1991-1993), Somalia (1992-1995) dan di Bosnia-Herzegovina (1993-1997). Ini tidak termasuk

pasukan-pasukan pemerhati yang terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilibatkan di merata negara di dunia ini yang dilanda konflik/peperangan.

Keupayaan negara ini menyediakan sebuah pasukan pengaman yang kuat dan mampu serta berdaya saing merupakan satu kejayaan bagi Kerajaan Malaysia. Boleh dikatakan dimana sahaja pasukan pengaman Malaysia dilibatkan, negara tersebut akan menjadi aman semula dan sebuah kerajaan yang berdaulat telah dapat didirikan dengan sempurna sehingga ke hari ini. Sesungguhnya bukan senang untuk menenangkan keadaan yang bergolak dengan hujanan peluru dan letupan, namun tugas yang telah diamanatkan kepada kontinjen Malaysia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Negara Malaysia, telah dapat dilaksanakan dengan cemerlang sekali oleh mereka yang ditugaskan dalam pasukan pengaman Malaysia. Kejayaan ini akan diterangkan dalam kertas tesis ini, mengikut tugas-tugas pengaman yang telah mereka laksanakan. Tidak banyak negara-negara yang berupaya melaksanakan tugas ini dengan cemerlang termasuk negara-negara yang lebih lama bertamadun dan mempunyai kelengkapan yang lebih canggih. Malah negara-negara dari dunia ketiga, khasnya negara-negara Islam sentiasa sahaja dipandang rendah oleh negara-negara kuasa besar dalam melaksanakan tugas-tugas pengaman ini. Tetapi kontinjen pasukan pengaman Malaysia telah dapat membuktikan kewibawaan ini dengan cemerlangnya di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) maupun di bawah Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).

Walaupun kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh kontinjen pasukan pengaman Malaysia, namun terdapat banyak rintangan, halangan dan dugaan yang dihadapi oleh kontinjen pasukan Pengaman Malaysia. Rintangan dan halangan tersebut telah dapat diatasi dengan bijaksana sama ada dalam menghadapi prosedur/ketetapan oleh PBB/NATO itu sendiri, mahu pun dari puak-puak yang bertelagah. Rahsia kejayaan ini akan juga disingkap dalam kertas tesis ini, agar ianya menjadi panduan dan dorongan kepada generasi-generasi akan datang dalam melaksanakan tugas pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana pertubuhan keamanan dunia yang akan ditugaskan nanti.

Dalam menghadapi dunia yang makin mencabar ini, negara Malaysia mungkin memerlukan satu perubahan dalam struktur pertubuhan dalam menyediakan satu ketumbukan yang lebih teguh dan mampan dimasa-masa akan datang dalam melaksanakan tugas pengaman. Begitu juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seharusnya memainkan peranan yang lebih saksama dan lebih bijak dalam menangani isu-isu antarabangsa, agar kemusnahan dan kerakusan manusia dapat dibendung dalam mengurangkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda yang mungkin melanda di negara-negara lain di masa-masa akan datang. Cadangan dan pandangan ini akan dikemukakan dalam kertas tesis ini, berdasarkan perbincangan, pengalaman dan rujukan-rujukan para akademik sebagai satu kesimpulan dalam kertas tesis ini nanti.